

Klasifikasi Penyakit Rindu dalam Perubatan Tradisional Melayu dan Kaedah Merawatnya menurut Perspektif Shaykh Abbas Kuta Karang dalam Kitab *al-Rahmah fi al-Tib wa al-Hikmah*

Classification of Rindu in Traditional Malay Medicine and Its Treatment Methods from the Perspective of Shaykh Abbas Kuta Karang in Kitab Al-Rahmah fi al-Tib wa al-Hikmah

Muhamad Hafiz Ab Ghani*

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, 81000, Johor Bharu, Johor, Malaysia

*Corresponding author : muhamad.hafiz@graduate.utm.my

Article history

Received: 2019-01-06 Received in revised form: 2019-03-21 Accepted: 2019-07-07 Published online: 2019-10-07

Abstract

Medical science is an important field of knowledge in a society or civilization including the Malay community. This knowledge is highly regarded and appreciated in the Malay states. Health care involves physical and spiritual health. At present, medical knowledge is more likely to cure physical illness than spiritual illness. This can be seen as the field of practice recognized by the government in Malay medicine only involves physical health. Therefore, this study is important because in Malay medicine, healthcare involves two categories of health i.e. physical health and spiritual health. This study examines one of the problems of spiritual health which is a miserable illness based on Malay medicine. The study was aimed at identifying the types of treatments for indigestion based on Malay medicine. The question of this study is: 1) What is the type or level of illness? 2) How to treat the illness? This study is a literature review and the method used is qualitative. The study was conducted to examine illnesses in Malay medicine. The main reference of the study is the book *al-Rahmah fi al-Tib wa al-Hikmah* (Compassion in medical science and wisdom) written by Shaykh Abbas Kuta Karang. The outcome of the study shows that Malay medicine is a complete and well-funded medical method and covers many aspects of life, not only for the treatment of physical illness.

Keywords: Shaykh Abbas Kuta Karang, Kitab Tib, spiritual illness, illness, Malay medicine

Abstrak

Ilmu perubatan merupakan satu bidang ilmu yang penting dalam sesuatu masyarakat atau tamadun termasuklah masyarakat Melayu. Ilmu ini dipandang tinggi dan dihargai di negeri-negeri Melayu. Penjagaan kesihatan melibatkan kesihatan jasmani dan rohani. Pada masa kini, ilmu perubatan lebih cenderung mengubati penyakit jasmani berbanding penyakit rohani. Ini dapat dilihat kerana bidang amalan yang diiktiraf oleh kerajaan dalam perubatan Melayu hanya melibatkan kesihatan Jasmani. Oleh itu, kajian ini adalah penting kerana dalam perubatan Melayu, penjagaan kesihatan melibatkan dua kategori kesihatan iaitu kesihatan jasmani dan kesihatan rohani. Kajian ini mengkaji salah satu masalah kesihatan rohani iaitu penyakit rindu berdasarkan perubatan Melayu. Kajian ini bertujuan mengenal pasti jenis kaedah merawat penyakit rindu berdasarkan perubatan Melayu. Persoalan kajian ini ialah: 1) Apakah jenis atau tahap penyakit rindu? 2) Bagaimana kaedah merawat penyakit rindu?. Kajian ini adalah kajian literatur dan kaedah yang digunakan adalah bersifat kualitatif. Kajian dibuat untuk mengkaji penyakit rindu dalam perubatan Melayu. Rujukan utama kajian adalah kitab *al-Rahmah fi al-Tib wa al-Hikmah* (Kasih sayang di dalam ilmu perubatan dan kebijaksanaan) yang ditulis oleh Shaykh Abbas Kuta Karang. Hasil daripada kajian menunjukkan perubatan Melayu merupakan satu kaedah perubatan yang lengkap dan mempunyai fundamental yang kukuh dan merangkumi pelbagai aspek kehidupan, bukan sahaja tertumpu kepada perawatan penyakit fizikal.

Kata Kunci: Shaykh Abbas Kuta Karang, Kitab Tib, penyakit rohani, penyakit rindu, perubatan Melayu

1.0 PENDAHULUAN

Ilmu perubatan merupakan satu bidang ilmu yang penting dalam sesuatu masyarakat, atau tamadun termasuklah masyarakat Melayu. Pengkajian yang dilakukan terhadap manuskrip dalam kategori ‘kitab tib’ didapati memberikan sedikit sebanyak maklumat yang menunjukkan tradisi ilmu perubatan ini telah lama dikenali dan diamalkan dalam kehidupan seharian masyarakat Melayu dahulu (Harun 2019). Pada zaman dahulu, ilmu ini dipandang tinggi dan dihargai di negeri-negeri Melayu.

Kini, Perubatan Melayu telah diiktiraf sebagai salah satu sistem perubatan dalam kategori perubatan tradisional dan komplementari di Malaysia pada tahun 2013 apabila Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2013 iaitu Akta 756 diluluskan di Parlimen (Malaysia 2013). Walaubagaimanapun, akta ini telah dimansuhkan atas beberapa masalah teknikal dan digantikan dengan Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016 iaitu Akta 775 (Malaysia 2016). Akta 775 ini telah wartakan dan dilaksanakan secara berperingkat bermula dari 1 Ogos 2016. Namun, bidang amalan yang diiktiraf oleh kerajaan dalam perubatan Melayu hanya melibatkan kesihatan jasmani, iaitu penjagaan ibu selepas bersalin, urutan tradisional dan bekam sahaja.

Perubatan Melayu di dalam kitab *Tib* menampakkan ciri gabungan daripada beberapa sistem perubatan dari tamadun luar seperti Greek, Parsi, Tibbun Nabawi, India dan kepercayaan Hindu-Buddha (Naseer 2017; Haliza 2005). Menurut Ibnu Sina, perkataan ‘*al-Tib*’ merujuk kepada ilmu yang membincangkan perkara-perkara yang memelihara kesihatan dan yang menghilangkan kesakitan daripada tubuh manusia dengan bertujuan mengekalkan semula kesihatan sedia ada dan mengembalikan semula kesihatan yang telah hilang (Hilmi 2016).

Penyakit dapat diklasifikasikan kepada dua jenis iaitu penyakit rohani dan penyakit jasmani. Kedua-dua penyakit ini ada disebutkan didalam Al-Quran (Ghani 2012). Kitab *al-Rahmah fi al-Tib wa al-Hikmah* (selepas ini ditulis sebagai kitab *al-Rahmah*) secara umumnya membahaskan pada dua bahagian kesihatan manusia iaitu kesihatan rohani dan kesihatan jasmani. Hal ini menunjukkan ada perhubungan di antara kesihatan jasmani dan kesihatan rohani (Affendi 2017). Berbeza dengan manusia kini lebih cenderung memelihara dan mengubati penyakit dari sudut jasmani dan mengabaikan kesihatan rohani dalam menghadapi sesuatu penyakit (Siti 2010).

Menurut Prof. Dr. H. Abdul Malik Karim Amrullah (HAMKA), rindu adalah satu penyakit, sekiranya tidak dirawat boleh membawa mudarat kepada pesakit. Tetapi kebiasaanya pesakit yang mengalami masalah rindu ini tidak menyedari bahawa dirinya sakit. Disinilah kepentingan kajian ini kerana memperincikan tahap dan klasifikasi penyakit rindu. Seseorang pesakit dapat mengetahui tahap penyakitnya berdasarkan kriteria yang diberikan dan memilih kaedah rawatan yang anjurkan.

Dibawah adalah petikan kata cinta oleh HAMKA didalam bukunya ‘Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck’.

Cinta samalah tuanya dengan dunia – oleh kerana ‘CINTA’lah dunia terjelma.

Cinta sebagai Rahmat dan Nikmat bagi setiap insan yang dihinggapinya oleh cinta akan merasakan nikmat.

Tapi dalam kenikmatan itu ada terselip semacam penyakit yang membawa penderitaan dan kesengsaraan.

Walaupun CINTA merupakan satu penyakit yang ganjil bagi yang dihindangkannya, tapi setiap orang yang terkena penyakit CINTA tidak akan pernah melepaskannya walau sedetik pun.

CINTA YANG SUCI menuntut pengorbanan zahir batin.

(HAMKA 1989)

Objektif kajian ini adalah untuk mengetahui klasifikasi penyakit rindu dan juga kaedah merawatnya dalam perubatan Melayu. Persoalan yang ingin dijawab berdasarkan objektif kajian adalah: 1) Apakah jenis-jenis penyakit rindu? 2) Bagaimana penyakit rindu ini diklasifikasikan tahapnya? 3) Bagaimakah penyakit rindu ini dikategorikan? 4) Bagaimana mencegah penyakit rindu ini dari memudaratkan? 5) Bagaimana merawat pesakit yang telah mengalami penyakit rindu ini?

2.0 LATAR BELAKANG SHAYKH ABBAS KUTA KARANG DAN KEPENGARANGAN KITAB AL-RAHMAH

2.1 Biografi Shaykh Abbas Kuta Karang

Pada abad ke-16M Aceh telah menjadi salah sebuah kerajaan yang sangat penting di Nusantara dan mempunyai pengaruh yang kuat dengan dunia luar, seperti hubungan dengan Khilafah ‘Uthmaniah di Timur Tengah, sebuah pemerintahan Islam yang terkuat ketika itu (Ali 2009). Aceh telah berjaya melahirkan ramai ulama dan cendekiawan yang berjasa dalam perkembangan ilmu pengetahuan semasa peradabannya. Namun, hanya segelintir sahaja yang menjadi sebutan kerana ketokohan dan sumbangan mereka yang begitu besar dalam pengembangan ilmu. Salah seorang tokoh tersebut adalah Shaykh Abbas Kuta Karang.

Nama semasa kecil beliau adalah Abbas, setelah menjadi alim dipanggil Shaykh Abbas. Suatu gelaran kehormat yang diberikan kepada Shaykh Abbas Kuta Karang yang dianggap ahli dalam ilmu Islam. Panggilan umum untuk kelompok pemimpin agama adalah ‘Teungku’. Kealimannya dianggap cukup tinggi oleh masyarakat dan digelar ‘Teungku Chik’ (Putri 2013). Pangkat atau gelaran ‘Teungku Chik’ adalah kedudukan yang paling tinggi dalam kalangan para guru yang bertaraf mahaguru/profesor, beliau ini akan mengajar atau menjadi pakar rujuk bagi semua Teungku-teungku di peringkat Rangkan dan Balee. (Ali 2009).

Buat masa ini, dikatakan hampir tiada pengkaji yang melakukan pengkajian terhadap biografi mahupun pemikirannya secara terperinci. Tiada maklumat tepat mengenai tahun kelahiran dan pendidikannya. Salasilah keturunannya juga tidak diketahui dengan jelas (Putri 2012). Latar belakang ulama ini dapat diketahui dengan menelusuri kitab-kitab hasil penulिसannya, misalnya didalam Kitab *al-Rahmah* beliau sendiri menyebut, yang maksudnya

“...adapun kemudian daripada itu maka berkata hamba Allah yang dinamai dengan Abbas yang menghadap kepada Tuhan-Nya Allah Taala yang Tuhan sekalian manusia, Shafie nama mazhabnya, Aceh nama negerinya, Masjid al-Jami’ Ulee Susu tempatnya kediamannya dan kejadiannya”

Sejarah awal pendidikan beliau tidak dapat dipastikan dengan tepat. Yang diketahui, beliau telah ke Mekah dan belajar dengan beberapa tokoh ulama termasuklah ulama dari alam Melayu. Di Mekah beliau bersahabat dengan Shaykh Zainudin Aceh, Shaykh Ismail Minangkabau, Shaykh Ahmad Khatib Sambas, Shaykh Muhammad Shalih Rawa, Shaykh Daud Al-Fathani, Shaykh Abdus Samad al-Falimbani. Antara guru beliau yang berasal dari bangsa Arab, Said Ahmad al-Marzuqi al-Maliki, Shaykh Uthman al-Dimyathi, Shaykh Muhammad Sa’id Duds,

Shaykh Muhammad Salih bin Ibrahim ar-Rais, Shaykh Umar Abdur Rasul, Shaykh Abdul Hafiz al-Ajami dan ramai lagi. Sekembalinya dari Mekah, beliau dipercayai telah kembali ke Ulee Susu menyebarkan Islam dan membangunkan Dayah. Banyak karya beliau hanyut saat kapal tenggelam ketika ia kembali ke Aceh (Putri 2013; Affendi 2017).

Shaykh Abbas adalah seorang ulama yang menguasai beberapa bidang ilmu pengetahuan umum, khususnya ilmu perubatan (*tib*), ilmu kejuruteraan (*bandasah*), ilmu astronomi (*falakiyyah*), ilmu astrologi (*nujum*), ilmu fekah (*fiqh*), ilmu sastera, ilmu politik, ilmu hikmah dan beberapa bidang lain. Shaykh Abbas juga memiliki catatan ilmu ramalan tentang sifat seseorang, kehidupan dan kematian dengan cara menghitung huruf nama dan bintang saat kelahiran (Asih 2017). Keahlian beliau dalam bidang-bidang tersebut telah melayakkan beliau digelar sebagai Farabi Aceh (Putri 2013; Erawadi 2012).

Antara hasil penulisan beliau adalah :-

1. *Al Qunu li man Taattafa* ditulis di Mekah pada 1843M
2. *Siraj al-Zalam fi Ma'rifah al-Sa'ad wa al-Nas* (pelita yang menerangi kegelapan di dalam mengetahui tentang bahagia dan nahas) ditulis pada 28 Rabiulawal 1396H (1849M). Ditulis atas permintaan Sultan Alaidin Ibrahim Mansur Syah.
3. *Al-Rahmah fi al-Tib wa al-Hikmah*. (kasih sayang di dalam ilmu perubatan dan kebijaksanaan) Penulisan bermula pada 1849M dan selesai pada 1853M
4. *Maw'izah al-Ikhwani* (peringatan buat saudara) 1886M
5. *Tadbkirah al-Rakidin* (peringatan bagi mereka yang leka) 1889M

Shaykh Abbas Kuta Karang hidup pada masa pemerintahan Sultan Alaidin Mansur Shah (1857-1870M). Kerana pengetahuan beliau yang luas, maka Baginda Sultan telah mengangkat beliau menjadi *Qadi Malik al-'Adil* di kerajaan Aceh. Di samping itu, beliau turut menjadi penasihat kepada Sultan dan kekal menjadi penasihat kepada sultan seterusnya, Sultan Alaidin Mahmud Shah (1870-1874M).

Pada pertengahan abad ke-19 Masihi, Shaykh Abbas membuka sebuah Lembaga Pendidikan Keagamaan yang disebut dayah yang dikenali dengan sebutan Dayah Teungku Chik Kuta Karang. Di dayah ini, diajarkan berbagai ilmu seperti fekah, tafsir, hadis, tasawuf, akhlak, tauhid, mantik dan ilmu hisab. Pada sekitar tahun 1860-an Shaykh Abbas membangunkan sebuah masjid yang terletak di Gampong Kuta Karang, Mukim Ulee Susu, Kecamatan Darul Imarah Aceh Besar (Putri 2013).

Selain ketegasannya, Shaykh Abbas Kuta Karang juga dikenali dengan pendapat-pendapatnya yang dikira revolusioner. Contohnya, beliau mencadangkan supaya khutbah Jumaat turut disampaikan dalam bahasa Aceh untuk meningkatkan pemahaman beragama masyarakat terutama sekali apabila masyarakat sedang berada dalam keadaan perang. Pendapatnya ini, walaupun bertentangan dengan amalan masyarakat Melayu pada masa itu, kini sudah diterima pakai di masjid-masjid di ceruk rantau kepulauan Melayu (Affendi 2017).

Shaykh Abbas Kuta Karang telah meninggal dunia dalam bulan November 1895 dan dimakamkan di dalam Kompleks Makam Kuno Teungku Kuta Karang di Gampong Lampeuneun, Kecamatan Darul Imarah. Kawasan ini terletak di kaki penghujung utara Banjaran Barisan, yang dicatat olehnya didalam Kitab *al-Rahmah* sebagai *Jabal A'la*. Makam Shaykh Abbas berbentuk cungkup daripada batu bata berukuran 9.5m x 14m (Affendi 2017).

2.2 Kitab al-Rahmah

Ulama, sebagai pewaris para Nabi, mempunyai tanggung jawab terhadap perkembangan dan keberlangsungan proses pewarisan dan transmisi ajaran Islam dan ilmu pengetahuan. Usaha pewarisan ajaran dan ilmu pengetahuan ini dilakukan tidak hanya melalui institusi pendidikan, tetapi juga melalui penulisan atau karya mereka. Dalam hal ini, sebagai penopang utama tradisi keilmuan, banyak hasil penulisan yang dihasilkan oleh mereka. Kitab-kitab tersebut ditulis pada abad ke-10 hingga abad ke-17 (Erawadi 2012).

Kitab *al-Rahmah* di tulis oleh Shaykh Abbas Kuta Karang. Penulisannya bermula pada 1849 dan mengambil masa empat tahun untuk disiapkan pada tahun 1853. Kitab ini disadur dari naskah berbahasa Arab dengan judul yang sama dan diberikan penjelasan dan penambahbaikan termasuklah menggunakan istilah tempatan (Affendi 2017).

Kitab ini terbahagi kepada lima (5) bab. Bab pertama menceritakan perihal berkaitan ilmu *tabiah* dan ketetapan Allah mengenai perilaku manusia. Bab kedua membahaskan jenis-jenis makanan yang baik untuk badan. Bab ketiga mengenai mencegah penyakit dan menjaga kesihatan. Bab keempat, ubatan untuk penyakit tertentu dan bab kelima mengenai ubatan untuk penyakit umum.

Bab 1

Bab yang pertama adalah berkenaan dengan ilmu *tabiah* (tabiat), iaitu ilmu mengenal apa yang normal atau seimbang bagi tubuh. Ia merupakan ilmu yang penting bagi seorang tabib untuk diketahui kerana dengan memahami unsur-unsur asas penciptaan manusia, seseorang tabib akan mudah memahami bagaimana caranya untuk menjaga kesihatan dan merawat penyakit. Tanpa mengetahui apa yang normal pada tubuh, seseorang tidak dapat mengesan perubahan yang terjadi pada tubuh seterusnya menentukan kaedah rawatan dan mengetahui keberkesanan rawatan yang diberikan.

Di dalam kitab ini, ilmu *tabiah* dihuraikan mengikut konsep empat unsur iaitu tanah, air, angin dan api. Konsep ini menyerupai konsep perubatan Yunani yang menekankan kepada bendalir badan (*khilt*) dan unsur (*mizaj*). Cecair dan unsur yang terdapat pada seseorang adalah penting untuk mengawal keseimbangan dan kesihatan tubuh, kerana ia juga mempengaruhi keadaan fizikal tubuh dan juga perangai seseorang.

Empat bendalir badan yang disebutkan adalah seperti dalam Jadual 1:

Jadual 1 : Bendalir badan

	Khilt	Sifat	Tempat
1	al-Sawdawi (cairan limpa)	sejuk kering	Limpa
2	al-Balghami (lendiran tubuh)	sejuk basah	Paru-paru
3	al-Dammi (darah)	hangat basah	Hati
4	al-Safra'i (cairan hempedu)	hangat kering	Hempedu

Lima *mizaj* yang disebutkan disebutkan di dalam kitab *al-Rahmah* adalah *mizaj sawdawi* (unsur tanah dari campuran sifat sejuk dan kering), *mizaj balgham* (unsur air dari campuran sifat sejuk dan basah), *mizaj dammi* (unsur angin campuran sifat hangat dan basah), *mizaj safrawi* (unsur api campuran sifat hangat dan kering) dan yang kelima adalah *mizaj i'tidali* (mizaj yang seimbang antara panas-sejuk dan kering-basah).

Selain dari ilmu *tabiah*, bab satu juga menceritakan bagaimana proses pencernaan makanan berlaku. Ini kerana seseorang tabib perlu memahami bagaimana makanan atau ubatan yang dimakan diproses dan menghasilkan cairan tubuh seterusnya menjadi darah dan daging, selebihnya, yang tidak diterima oleh tubuh, menjadi racun yang akan dikeluarkan kembali melalui anus.

Bab 2

Bab kedua dalam kitab ini menceritakan tentang jenis-jenis makanan yang baik untuk badan. Dalam bab ini, makanan diklasifikasikan *tabiahnya* dan diterangkan kegunaannya. Sama ada ia mempunyai nilai nutrisi atau nilai ubatan atau kedua-duanya sekali. Menurut Ibnu Sina, bahan makanan yang diambil akan melalui proses pencernaan dan akan diubah kepada bendalir badan.

Bab 3

Bab ketiga tidak kurang juga pentingnya kerana menjelaskan tentang cara-cara mencegah penyakit dan bagaimana menjaga kesihatan. Didalam bab ini diceritakan mengenai ilmu tabib seperti berikut :-

- a) Berusaha memelihara dan mengekalkan kesihatan tubuh ketika sihat: dan
- b) Berusaha mengembalikan tubuh kepada keadaan sihat apabila tubuh menjadi tidak sihat

Bab ini juga menjelaskan 10 perkara yang perlu diberikan perhatian dalam berusaha menjaga dan memelihara kesihatan tubuh; pertama : tatakara makan, kedua : tatakara minum, ketiga : tatakara pergerakan, keempat : tatakara diam; kelima : tatakara tidur : keenam : tatakara ketika berjaga; ketujuh : tatakara jimak, kelapan : tentang angin, kesembilan : keadaan jiwa atau psikologi yang berkaitan dengan kedukaan dan kesenangan hati dan kesepuluh: penjagaan sendiri anggota tubuh

Penyakit rindu adalah penyakit berkaitan penyakit rohani disebut pada bab ini. Penjagaan kesihatan rohani ada disebut pada fasal kesembilan, iaitu *Tadbir Awarid al-Nafsaniyah* (mengurus dorongan nafsu). Fasal ini menyatakan perkara yang membahayakan dan menyenangkan bagi hati.

Bab 4

Bab ini menyatakan mengenai penyakit-penyakit yang khusus. Setiap penyakit diperjelaskan mengenai ciri-ciri sakit, faktor penyebab, tanda-tanda yang berkaitan dengan penyakit dan ubatnya.

Bab 5

- c) Bab ini menyatakan mengenai penyakit-penyakit yang umum. Setiap penyakit diperjelaskan mengenai ciri-ciri sakit, faktor penyebab, tanda-tanda yang berkaitan dengan penyakit dan ubatnya. Kaedah rawatan bagi penyakit rindu disebut dalam bab ini. Penyakit rindu ini dibahagikan kepada dua jenis. Iaitu *al-Malikhulliyat* (rindu dendam akan sesuatu) dan *al-Walban* (rindu akan sesuatu).

3.0 PERIHAL PENYAKIT RINDU

Kitab *al-Rahmah* membahas ilmu perubatan berkaitan kesihatan jasmani dan kesihatan rohani. Hal ini menunjukkan ada perhubungan diantara kesihatan jasmani dan kesihatan rohani. Dalam penjagaan kesihatan menurut perspektif Islam, seseorang perlu menjaga kedua-dua jenis kesihatan ini. Ini dapat dibuktikan dengan terdapatnya banyak ayat-ayat yang menjelaskan mengenai rohani manusia. Ia boleh menjadi petunjuk dan panduan manusia untuk mengenali diri dan mencari jalan terbaik dalam menghadapi penyakit rohani.

Di dalam al-Quran Allah mengingatkan manusia berusaha agar tidak terperangkap dalam penyakit rohani. Antara firman Allah yang menjelaskan mengenai ciri khas sebahagian penyakit rohani ini ialah sebagaimana maksud firmanNya:

"... Mereka mempunyai hati, tetapi tidak dipergunakannya untuk memahami (ayat-ayat Allah) dan mereka mempunyai mata (tetapi) tidak dipergunakannya untuk melihat (tanda-tanda kekuasaan Allah), dan mereka mempunyai telinga (tetapi) tidak dipergunakannya untuk mendengar (ayat-ayat Allah). Mereka itu sebagai binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi. Mereka itulah orang-orang yang lalai." (Al-A'raf 7: 179)

Penyakit rindu disebut dalam bab yang ketiga. Bab ini menjelaskan sepuluh fasal yang perlu diberikan perhatian bertujuan untuk memelihara kesihatan tubuh daripada sakit. Pada fasal kesembilan menyatakan kepentingan penjagaan kesihatan rohani iaitu *Tadbir Awarid al-Nafsaniyah* (Mengurus tadbir dorongan-dorongan nafsu). Fasal ini menyatakan antara keadaan yang boleh memberikan kesan kepada penyakit rohani. Keadaan yang bahaya bagi hati itu pada dua keadaan, iaitu *ham* (kedukaan) dan *gham* (percintaan) dan kesenangan bagi hati juga dua keadaan, iaitu *farh* (kesukaan) dan *surur* (kesenangan).

Penyakit rohani ini biasanya disebabkan oleh keinginan yang tinggi. Keinginan ini meningkatkan *tabiah hararah* (panas) pada zahir badan. Bermula sifat panas dari luar badan, apabila tidak dikawal akan membawa sehingga terjadinya *tabiah sandawi* (sifat basah-kering) ke dalam tubuh. Apabila sampai ke tahap ini, rasa cinta atau duka yang berlebih-lebihan akan membuatkan pesakit menjadi semakin kurus. Bukan setakat itu, pesakit boleh jadi seperti 'gila bayang' atau pun sasau. Pada tahap yang lebih tinggi, pesakit boleh jadi seperti 'mayat hidup' dan langsung tidak menghiraukan kehidupannya.

Di dalam bab kelima, perincian mengenai penyakit-penyakit yang umum, disebutkan dua jenis rindu dan tahap penyakitnya iaitu *al-Malikhuliyat* (rindu dendam akan sesuatu) dan *al-Walban* (rindu akan sesuatu).

Penyakit rindu jenis pertama, *Al-Malikhuliyat* dibahagikan kepada 11 tahap seperti dalam jadual 2 di bawah:-

Jadual 2 : Tahap-tahap rindu al-Malikhuliyat

Bil	Tahap	Ciri-ciri pada pesakit
1	<i>Hawa</i>	cenderung keinginan kepada sesuatu
2	<i>Ilaqab</i>	perasaan kasih yang biasa bagi hati
3	<i>Kalaf</i>	perasaan kasih yang dalam

4	<i>Ishqun</i>	perasaan sangat rindu dan sangat kasih
5	<i>Shifaf</i>	sangat kasih serta berbangkit hangat dalam hati dan tertununya serta merasakan kenikmatan pada apa yang dikasihkannya
6	<i>Lam'ab</i>	berbangkit-bangkit hawa yang sangat hangat dalam hati
7	<i>Jawa</i>	berbangkit hawa yang bāṭin daripada sangat rindu dendam hingga datang kedukaan
8	<i>Tatayyam</i>	rindu yang amat sangat hingga jadi hamba bagi yang dirindukan
9	<i>Tablun</i>	hawa yang amat sangat hingga jadi kesakitan tubuhnya
10	<i>Al-Walbu</i>	rindu yang amat sangat sehingga jadi seperti hilang akal
11	<i>Hayyam</i>	sangat rindu dendam hingga jadi hilang akal dan berjalan-jalan tanpa tujuan

Al-Malikhbuliyyat terbahagi kepada dua kategori. Kategori inilah yang menentukan kaedah perawatan untuk mengubati penyakit ini. Kategori ini merujuk kepada keadaan penyakit ini pada unsur mana. Dua (2) Kategori ini ialah *Safrawi dan Sawdawi*

Penyakit rindu jenis kedua, *Al-Walban* ini berpunca apabila pesakit mula menyukai akan sesuatu atau seseorang tetapi ia tidak dapat memilikinya. Penyakit ini dapat dibahagikan kepada beberapa tahap seperti dalam Jadual 3:

Jadual 3 : Tahap-tahap rindu al-Walhan

Tahap	Ciri-ciri pada pesakit
1	perasaan rindu yang amat sangat
2	akan sering teringat-ingat pada apa yang diinginkannya didalam hati
3	mula terbayang-bayang apa yang dirindunya
4	akan sering menyebut-menyebut apa yang dirindunya

4.0 KAEDAH RAWATAN PENYAKIT RINDU

Disebut didalam riwayat Muslim dari hadis Jabir r.a. Rasulullah s.a.w bersabda, maksudnya “*Setiap penyakit ada ubatnya, sekiranya bertepatan ubat dengan penyakitnya, akan sembuhlah ia dengan izin Allah*”.

Prinsip asas ilmu tabib dalam perubatan Melayu terbahagi kepada dua kaedah :-

1. Memelihara kesihatan dari terkena penyakit.

Allah berfirman:

فَمَنْ كَانَ مِنْكُمْ مَّرِيضًا أَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِنْ أَيَّامٍ أُخَرَ

- 4.1 ‘... maka sesiapa di antara kamu yang sakit, atau dalam musafir, (bolehlah ia berbuka), kemudian wajiblah ia berpuasa sebanyak (hari yang dibuka) itu pada hari-hari yang lain...’ (Al-Baqarah 2:184)

2. Merawat apabila terjadinya sakit.

Allah berfirman :

فَن كَانَ مِنْكُمْ مَّرِيضًا أَوْ بِهِ مِنْ أَدَىٰ مِّن رَّأْسِهِ ۖ فَفِدْيَةٌ مِّن صِيَامٍ أَوْ صَدَقَةٍ أَوْ نُسُكٍ

- ‘...Maka sesiapa di antara kamu sakit atau terdapat sesuatu yang menyakiti di kepalanya (lalu ia mencukur rambutnya), bendaklah ia membayar fidyah. Iaitu berpuasa, atau bersedekah, atau menyembelih Dam...’ (Al-Baqarah 2:196)

Selain kaedah rawatan, turut diberikan panduan bagi mengelakkan daripada terjadinya penyakit rindu.

4.1 Kaedah Pencegahan Penyakit Rindu di dalam Kitab Al-Rahmah

Pepatah Melayu ada menyebut, ‘mencegah adalah lebih baik dari mengubati’, sebenarnya bertepatan dengan prinsip pertama ilmu tabib dalam perubatan Melayu iaitu ‘memelihara kesihatan bagi mengelakkan sakit’. Di dalam kitab Al-Rahmah turut diberikan beberapa kaedah pencegahan bagi mengelakkan terjadinya penyakit hati ini. Perkara yang disarankan adalah:-

1. Jangan terlalu mengharap sesuatu melainkan apa yang dihajatnya dapat dipenuhi
2. Jangan terlalu banyak bercita-cita
3. Sekiranya mengharap akan sesuatu, janganlah terlampau menyukainya melainkan dengan kesukaan yang sederhana. Kesukaan yang amat sangat boleh membawa kepada penyakit
4. Sesetengah keinginan ini datangnya dari syaitan. Dan syaitan ini dari api, maka untuk meredakannya adalah dengan air seperti mandi, mengambil wudhu dan bersolat
5. Sesetengah penyakit jiwa ini datangnya dari kedukaan apabila kehilangan seseorang atau sesuatu, janganlah banyak berduka kerana dunia dan isinya ini tidak kekal
6. Kedukaan dapat dihilangkan dengan sentiasa mengingati dan membesarkan Allah

Berdasarkan kitab *al-Rahmah*, berikut adalah beberapa kaedah merawat penyakit hati secara umumnya berdasarkan hadis Rasulullah dan kata-kata sahabat seperti dibawah (Abbas, 2017):-

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَا أَصَابَ أَحَدًا قَطُّ هَمٌّ وَلَا حَزَنٌ فَقَالَ اللَّهُمَّ إِنِّي عَبْدُكَ وَإِنُّ عَبْدُكَ وَإِنُّ أَمْتِكَ نَاصِيَتِي بِيَدِكَ مَاضٍ فِي حُكْمِكَ عَدْلٌ فِي قَضَاؤِكَ أَسْأَلُكَ بِكُلِّ اسْمٍ هُوَ لَكَ سَمِيَتْ بِهِ نَفْسُكَ أَوْ عَلِمْتَهُ أَحَدًا مِنْ خَلْقِكَ أَوْ أَنْزَلْتَهُ فِي كِتَابِكَ أَوْ اسْتَأْثَرْتُ بِهِ فِي عِلْمِ الْغَيْبِ عِنْدَكَ أَنْ تَجْعَلَ الْقُرْآنَ رِبِيعَ قَلْبِي وَنُورَ صَدْرِي وَجَلَاءَ حُزْنِي وَذَهَابَ هَمِّي إِلَّا أَذْهَبَ اللَّهُ هَمَّهُ وَحُزْنَهُ وَأَبْدَلَهُ مَكَانَهُ فَرَجًا قَالَ فَقِيلَ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَلَا نَتَعَلَّمُهَا فَقَالَ بَلَىٰ يَنْبَغِي لِمَنْ سَمِعَهَا أَنْ يَتَعَلَّمَهَا

مسند أحمد مسند المكثرين من الصحابة مسند عبد الله بن مسعود رضي الله تعالى عنه 3704

Ibn Mas'ud melaporkan: Rasulullah SAW bersabda: "Sekiranya ada muslim yang mengalami kesengsaraan atau kesedihan dan kemudian dia berdo'a, maka permohonannya akan dijawab: Ya Allah Ya Tuhanku, aku adalah hamba-Mu, anak kepada hamba-Mu, (yang juga) anak kepada hamba perempuanMu. Ubun-ubunku didalam genggamannya, telah berlaku ke atasku perintah-perintahMu, dan keputusanMu mengenai (urusanku) sangat adil. Aku memohon dengan semua nama-Mu yang indah yang telah Engkau namakan diri-Mu dengan-Nya, atau yang Engkau ajarkan kepada salah seorang hamba-hamba-Mu, atau yang Engkau turunkan dalam Kitab-Mu, atau yang Engkau simpan nama-nama tersebut dalam ilmu ghaib yang ada pada-Mu, maka jadikanlah Al-Quran sebagai belahan hatiku (kegembiraan jiwaku) yang menjadi cahaya hatiku, yang menghilangkan segala kesedihanku dan menghilangkan segala kebimbanganku. Sabda Rasulullah SAW "Jika dia berdo'a sedemikian", Allah akan menghapuskan penderitaannya dan menggantikannya dengan kegembiraan dan kebahagiaan. Maka sahabat berkata, "Wahai Rasulullah, patutkah kami mempelajari?" Rasulullah berkata, " Ya, bahkan sesiapa pun yang mendengarnya patut mempelajarinya"

Kata Saidina Umar al-Khattab r.a.:-

روى أن الخليفة الراشد عمر بن الخطاب رضي الله عنه قال : " ما أصبت بمصيبة إلا ورأيت الله عليّ فيها ثلاث نعم :
الأولى أن الله هونها عليّ فلم يصبني بأعظم وهو قادر على ذلك .
والثانية أن الله جعلها في دنياي ولم يجعلها في ديني وهو قادر على ذلك
والثالثة أنه يأجرني بها يوم القيامة"

Saidina Umar al-Khattab berkata : "Mana-mana musibah yang menimpa diriku, tidak lain dan tidak bukan di sana aku melihat sesungguhnya Allah SWT, mengurniakan kepadaku daripada musibah tersebut tiga (3) nikmat:-

1. Allah tidak timpakan keatasku dengan musibah yang lebih besar dari musibah tersebut, sedangkan Dia Maha Berkuasa untuk melakukan sedemikian.
2. Allah menjadikan musibah tersebut berlaku dalam urusan duniaku dan tidak menjadikan ia berlaku dalam hal ehwal agamaku sedangkan dia sangat berkuasas untuk melakukan yang sedemikian.
3. Sesungguhnya Allah SWT memberi aku ganjaran diatas musibah yang berlaku keatas diriku pada hari Kiamat nanti

Kata Saidina Ali r.a. :-

أَقْوَى خَلَقَ اللَّهُ ابْنَ آدَمَ وَأَقْوَى مِنْهُ السَّكْرُ الَّذِي يَزِيلُ الْعَقْلَ وَأَقْوَى مِنَ السَّكْرِ وَأَقْوَى مِنَ النَّوْمِ فَالْهَمُّ فَالْهَمُّ أَقْوَى خَلَقَ اللَّهُ

Saidina Ali r.a. berkata: Hamba Allah yang paling kuat adalah anak Adam (akan tetapi) mabuk yang menghilangkan akal itu lebih kuat daripadanya, dan pula kedukaan itu lebih kuat daripada mabuk dan pula mabuk lebih kuat daripada tidur (mengantuk). Maka (jadilah) kedukaan itu makhluk Allah yang paling kuat.

4.2 Kaedah Perawatan Penyakit Rindu dalam Kitab Al-Rahmah

Salah satu punca penyakit adalah disebabkan oleh *mizaj* yang tidak seimbang (Hilmi 2017). Bagi mengubati penyakit jenis ini, perlulah diketahui terlebih dahulu keadaan *mizaj* penyakit tersebut dan kemudian ditentukan kaedah rawatannya.

4.2.1 Al-Malikhuliyyat

Penyakit rindu *al-Malikhuliyyat* ini terbahagi kepada dua kategori mizaj dan kaedah perawatannya berbeza mengikut keadaan.

1. *Mizaj safrawi*. Penyakit kategori ini bersifat panas dan kering, iaitu unsur api. Ciri-ciri pesakit ini adalah dia banyak bercakap kosong tanpa berfikir terlebih dahulu. Pesakit ini tidak seperti tidak waras dan berisiko mencederakan atau membunuh orang.

Kaedah rawatannya adalah:-

- a. Pesakit dibaringkan dan diurut secara lembut ke seluruh tubuh badan sehingga tenang
- b. Dilumurkan dadih dari susu lembu atau kerbau ke bahagian kepala dan kemudian ke seluruh badannya
- c. Diberikan makan halwa '*khiffah al-ra'si*'. *Khiffah al-ra'si* disebut dalam bab keempat dalam Kitab al-Rahmah. Ia adalah sejenis penyakit seperti tidak waras dan sering berkata-kata tanpa memahami apa yang diperkatakannya. Penyakit ini mengganggu fikiran dan penglihatannya. Ubatnya disediakan dengan campuran madu yang dibuang dadihnya, minyak sapi dan air mawar yang dimasak sehingga menjadi pekat dan diambil sebelum tidur setiap malam.
- d. Diberikan makan telur kuning yang dimasak dengan minyak sapi
- e. Diberikan makan roti tepung gandum dan air susu dan gula pasir

2. *Mizaj Sawdawi*. Penyakit kategori ini bersifat sejuk dan kering, iaitu unsur tanah. Ciri-ciri pesakit adalah seperti orang yang dalam ketakutan, warna mukanya berubah, lebih banyak berdiam diri dan bersendirian di tempat sunyi, banyak was-was dan memikirkan perkara-perkara yang tidak baik dan terkadang ia menangis tanpa sebab. Pesakit suka berjalan tanpa tujuan arah tujuan dan tidak mempedulikan sekeliling seperti orang gila.

Kaedah rawatannya adalah :-

- a. Pesakit diasingkan daripada orang ramai, seperti bilik khas yang mempunyai pengudaraan, pencahayaan yang baik dan bau-bauan yang baik
- b. Diberikan makan makanan yang berlemak seperti roti tepung gandum, halba, minyak sapi, daging binatang
- c. Didengarkan kepadanya kata-kata yang lemah-lembut
- d. Diberikan makan halwa *khiffah al-ra'si*

Disapukan kepala dan badannya dengan minyak zaitun atau minyak bijan (Ghani 2015) dan dikelubungkan dengan kain setiap malam sebelum tidur.

4.2.2 Al-Walhan

Penyakit ini ditakrifkan sebagai sebahagian daripada gila. Kaedah rawatannya adalah dengan cara:-

1. Berusaha mencapai apa yang dirindunya dengan cara yang halal. Sekiranya seperti orang yang rindu kepada perempuan, maka dikahwinkan mereka.
2. Sekiranya tidak dapat dicapai, diusahakan dengan perkara yang sebanding dengan keinginannya.
3. Sekiranya masih tidak dapat dicapai, maka hendaklah pesakit itu membaca al-Quran dan membaca kitab-kitab yang lain
4. Sekiranya masih belum terubat, pesakit diajar dengan menjual-beli agar menjadi lalai daripada barang yang dirindunya.
5. Sekiranya masih belum terubat, pesakit disibukkan dengan kerja-kerja atau aktiviti-aktiviti yang membuatkan ia melupakan apa yang dirindunya. Antaranya aktiviti yang dapat menghilangkan kerinduan, kedukaan dan percintaan adalah seperti memburu, mendaki, mengembara dan berkebum.

5.0 KESIMPULAN

Kajian ini telah memenuhi objektif kajian dan menjawab kesemua persoalan kajian. Kajian dijalankan dengan merujuk kepada kitab *al-Rahmah* dan beberapa kitab lain sebagai sumber sekunder. Untuk mengetahui adakah seseorang itu mengidapi penyakit rindu adalah dengan dilakukan pemerhatian kepada tingkah laku pesakit dan dibuat perbandingan dengan klasifikasi tahap rindu. Terdapat 2 jenis penyakit rindu iaitu *al-Malikebuliyyat* dan *al-Walban*. *Al-Malikebuliyyat* dibahagikan kepada sebelas tahap manakala *al-Walban* dibahagikan kepada empat tahap. Justifikasi penentuan kaedah rawatan dibuat berdasarkan kategori penyakit. *Al-Malikebuliyyat* dibahagikan kepada dua kategori dan *al-Walban* hanya satu kategori. Kaedah merawat penyakit rindu berbeza mengikut kategori. Selain kaedah rawatan, kaedah pencegahan juga dibincangkan dalam kajian ini. Berdasarkan kajian yang dilakukan ini, dapat dibuat kesimpulan bahawa perubatan Melayu yang terkandung didalam Kitab al-Rahmah adalah satu sistem perubatan yang sistematik dan memperlihatkan kearifan pengamal menguasai pelbagai ilmu dalam korpus epistemologi Melayu tradisional. Perubatan Melayu yang diamalkan adalah berlandaskan norma-norma ajaran Islam, bersifat rasional dan praktikal dan boleh diamalkan dan dimanfaatkan. Ia mengambil kira penjagaan kesihatan jasmani dan kesihatan rohani dengan mementingkan aspek memelihara dan mengekalkan kesihatan ketika sihat dan merawat penyakit apabila sakit.

Kajian ini hanya merujuk kepada satu jenis penyakit rohani. Dicadangkan lebih banyak penyelidikan meliputi pelbagai aspek dijalankan pada masa hadapan dengan merujuk kepada kitab perubatan Melayu sehingga dapat mengembalikan kehebatan perubatan Melayu yang lengkap, sistematik dengan falsafahnya tersendiri dan diintegrasikan bersama sistem perubatan yang lain masa kini.

Rujukan

- Abbas Kuta Karang. (2017). *Al-Rahmah fi al-Tib wa al-Hikmah*. Kuala Lumpur : Akademi Jawi Malaysia.
- Mohd Affendi Mohd Shafri. (2017). *Kitab Perubatan Melayu : Al-Rahmah fi al-Tib wa al-Hikmah*. Kuala Lumpur : Akademi Jawi Melayu.
- Asih Pertiwi. (2017). *Metode Penentuan Awal Akhir Ramadan Menurut Tarekat Syattariyah di Desa Penleukung Kecamatan Seunagan Timur Kabupaten Nagan Raya Aceh*. Semarang : Universitas Islam Negeri Walisongo.
- Erawadi. (2012). *Akar Tradisi Integrasi Pengetahuan Dalam Naskah Klasik Islam Nusantara*.

- Abdul Ghani Abdul Khaliq. (2012). *Metode Pengobatan Nabi*. Jakarta : Griya Ilmu.
- Abdul Ghani Hussain. (2015). *MSS 2999 Kitab Tib Pandangan dan Tafsiran Perubatan Moden Terhadap Menuskrip Perubatan Melayu*. Kuala Lumpur : Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Haliza Mohd Riji. (2005). *Prinsip dan Amalan dalam Perubatan Melayu*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.
- HAMKA. (1989). *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Kuala Lumpur : Pustaka Antara.
- Harun Mat Piah and Zawiyah Baba. (2014). *Kitab Tib MSS2515*. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Harun Mat Piah. (2019). *Kitab Tib MSS 1292 PNM : Edisi dan Suntingan Teks*. Kepong, Selangor : Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia.
- Mohd. Hilmi Abdullah. (2017). *Mengenal Perubatan Ibnu Sina (Jilid 2)*. Kuala Kubu Bharu : Pustaka Hilmi.
- Mohd. Hilmi Abdullah. (2016). *Mengenal Perubatan Ibu Sina (Jilid 1)*. Kuala Kubu Bharu : Pustaka Hilmi
- Siti Nur Fadlilah. (2010). *Penyakit Rohani dalam Perspektif Al-Qur'an*. *Jurnal Studi Al-Qur'an*, 6 (1), 54 – 66
- Ali, Mohamad. (2009). *Peranan Ulama dalam Memartabatkan Tamadun Islam di Nusantara : Tumpuan Terhadap Abdul Rauf Singkel*. *Journal of Al-Tamaddun*, 4(1), 81-98.
- Putri Hasna Tuddar. (2013). *Pemikiran Syeikh Abbas Kuta Karang Tentang Hisab Penentuan Awal Bulan Hijrah*. Semarang : Institut Agama Islam Negeri Walisongo
- Sobree, Naseer. (2017). *Bustanus Salatin - Bab Ketujuh Fasal Ketiga : Pada Menyatakan Ilmu Tasbrib dan Ilmu Tib*. 1st. Pulau Pinang, Malaysia : Baytul Hikma.